

15 OCT 2003

Mahathir-harapan/I

DR MAHATHIR MAHU RAKYAT JADIKAN MALAYSIA SATU KEJAYAAN

PUTRAJAYA, 15 Okt (Bernama) -- Hadiah terbaik yang boleh diberikan oleh rakyat kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena persaraannya hujung bulan ini ialah menjadikan Malaysia satu kejayaan.

Perdana menteri berusia 77 tahun itu, ketika ditanya tentang satu-satunya harapan atau impiannya selepas menerajui negara ini selama 22 tahun, berkata ada orang yang mungkin terasa kehilangannya selepas beliau bersara nanti, tetapi perkara terbaik yang mereka boleh lakukan ialah menjadikan negara ini satu kejayaan, sama ada dengan menyokong kerajaan atau dengan berusaha bersungguh-sungguh jika diberi peluang.

"Jika kita berniaga, berniagalah dengan baik. Jika kita dalam kerajaan, kita kena kerja keras untuk menghasilkan yang terbaik. Saya berpendapat itulah yang kita harus lakukan kepada masyarakat kerana kita terhutang budi kepada masyarakat," katanya dalam satu temu bual dengan Bernama semalam.

Temu bual selama 75 minit itu dikendalikan oleh Pengerusi Bernama Datuk Kalimullah Hassan, Ketua Pengarang Jaafar Hussin, dan dua Editor Eksekutif, Datuk Azman Ujang dan Yong Soo Heong.

Perdana menteri berkata beliau berpuas hati dengan kejayaan sesetengah orang Melayu kerana bukan saja ada yang berjawatan tinggi dan bergaji besar tetapi juga ada yang berjaya dalam perniagaan.

Dr Mahathir berkata satu daripada perkara yang ingin beliau lihat apabila mula memegang jawatan perdana menteri pada 1981 ialah nama-nama eksekutif Melayu tersiar dalam akhbar, sama ada dilantik atau dinaikkan pangkat kerana ketika itu bilangannya tidak banyak.

Bagaimanapun, beliau kecewa dengan sesetengah orang Melayu yang tidak menggunakan peluang yang diberikan oleh kerajaan kepada mereka.

"Tidak ada yang akan berjaya jika kita tidak mempunyai budaya yang betul," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau juga gembira dengan kejayaan wanita Malaysia sejak akhir-akhir ini termasuk dalam sektor korporat.

"Di sektor swasta, kita ada ramai wanita yang berjaya, mungkin tidak sama dengan beberapa lelaki yang amat terkenal, tetapi mereka berjaya.

"Terdapat eksekutif (wanita). Malah, ada yang menjadi ketua syarikat asing. Saya berpendapat mereka berjaya dan mereka akan lebih berjaya kerana pada masa ini, 70 peratus mahasiswa di universiti terdiri wanita," katanya.

-- BERNAMA

SHY JH MAI